

D905

B B684 AAB
MAHATHIR (EMBARGO) : UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAMINI)

KUALA LUMPUR, 21 NOV (BERNAMA) -- NEGARA PERLU Mencari Punca Pendapatan Baru dan Bertindak sebagai +Pemasar Dunia+ untuk menampung keperluannya pada masa depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Malamini.

Perdana Menteri berkata punca pendapatan itu terdapat pada kegiatan ekonomi berasaskan perindustrian, perdagangan dan perkhidmatan.

Ketika berucap pada Majlis Makan Malam Tahunan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik di sini, beliau berkata negara tidak boleh lagi bergantung sepenuhnya kepada punca pendapatan tradisional seperti getah, kelapa sawit, balak, timah dan minyak.

Beliau berkata negara juga memerlukan pendekatan dan strategi pembangunan yang baru bagi menghadapi corak pertandingan dan persaingan ekonomi antarabangsa yang mencabar dan berubah-ubah.

Perdana Menteri yakin para pemimpin dan pengurus perkhidmatan awam mempunyai keupayaan, semangat serta kesungguhan untuk mencari dan mencuba idea baru yang mempunyai potensi. -- LAGI
1747MST 21 11 87

0906

B B685 AAB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan mereka bahawa perubahan tidak semestinya berlaku secara mendadak.

Perkara yang baik dan berguna harus dikekalkan dan dipelihara seperti nilai-nilai yang selama ini telah menyatu dan mengukuhkan Malaysia sebagai sebuah negara merdeka.

Katanya, apa yang perlu diubah ialah cara dan pendekatan untuk mencapai sesuatu matlamat.

+Matlamat kita ialah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dalam segenap bidang, yang aman makmur dimana masyarakat berbilang kaum dapat hidup berharmonis, +katanya.

Beliau menyeru rakyat supaya menolak perubahan yang menggugat ketenteraman dan pembangunan negara atau yang bertentangan dengan pendirian dan nilai-nilai asasi yang menjadi pegangan hidup di negara ini. -- LAGI

1748MST 21 11 07

B 8690 AAB

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA, NEGARA TIDAK MEMERLUKAN **GOLONGAN PEMIMPIN ATAU PENGURUS** YANG KURANG **CEKAPSAMA** ADA DALAM **SEKTOR AWAM** ATAU SWASTA KERANA MEREKA **BOLEH** MENJADI PENGHALANG KEPADA USAHA KE ARAH **KEMAJUAN**, KHUSUSNYA **BAGI** MEMBINA MASYARAKAT YANG **MAJU, AMAN** DAN BERSATUPADU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA **JUGADARI** SEMASA KE SEMASA SERHADAPAN DENGAN INDIVIDU ATAU KUMPULAN YANG **CUBA MEMESONG ALIRAN** PEMIKIRAN RAKYAT DARIPADA USAHA PEMBANGUNAN NEGARA.

MEREKA, MENAJA PEMIKIRAN YANG KURANG SIHAT SEPERTI DENGAN **PANTAS** MENOLAK SESUATU RANCANGAN **BARU** MANAKALA ADA **JUGA YANG BERPEMIKIRAN** SEMPIT DENGAN MEMPUYAI PANDANGAN JANGKA PENDEK SERTA MEMENTINGKAN HASIL YANG **DIPEROLEHI** DENGAN CEPAT.

KATANYA, SATU **LAGI** BENTUK PEMIKIRAN NEGATIF IALAH YANG MENITIKBERATKAN KEPENTINGAN PERSENDIRIAN ATAU **KUMPULANTAN PAMENGIRAN** KESAN BURUK KEPADA **ORGANASASI**, MASYARAKAT DAN NEGARA.

• SELAIN ITU, KATANYA, ADA **JUGA** YANG SENTIASA Mencari peluang dan KESEMPATAN UNTUK MENINDAS DAN MENGHALANG USAHA **ORANG LAIN** SERTA HANYA MELIHAT KEBURUKAN DAN KELEMAHAN **ORANG LAIN**.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYERU RAKYAT SUPAYA MENOLAK SEGALA BENTUK PEMIKIRAN NEGATIF ITU DAN MENCADANGKAN AGAR SATU GERAKAN PEMULIHAN DIADAKAN UNTUK **KEPENTINGAN, KESEJAHTERAAN**, PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN MASYARAKAT DAN NEGARA. -- BERNAMA

1806MST 21 11 87

D985

B 8702 AAB

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA AWAL)

SEBELUM ITU, PRESIDEN PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK (PTD), DATUK HAJI HASSAN IBRAHIM BERKATA PEGAWAI-PEGAWAI BERKEMAAAN AKAN TERUS MEMBERIKAN SUMBANGAN YANG BERKESAN BAGI MENJAHIN KECEMERLANGAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

KATANYA, PTD MEMERLUKAN KERJASAMA DARIPADA PEMIMPIN, PENTADBIR DAN RAKYAT BAGI MENENTUKAN SUASANA YANG BAIK DIWUJUDKAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

ANTARA KIRA-KIRA 1,000 ORANG YANG HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, MENTERI LUAR, DATUK ABU HASSAN OMAR DAN MENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN, DATUK SABBARUDDIN CHIK. -- BERNAMA

2309MST 21 11 87